

## Anak lelaki yang hilang

Petikan dari Kitab Injil: [Lukas 15:11-32](#).

<sup>11</sup>Isa berkata seterusnya: 'Ada seorang yang mempunyai dua orang anak lelaki.

<sup>12</sup>Anak bongsu berkata kepada bapanya, "Ayah, berilah aku sekarang bahagian harta yang akan menjadi pusakaku." Lalu bapa itu membahagikan hartanya kepada kedua-dua anaknya itu.

<sup>13</sup>Tidak lama kemudian, yang bongsu itu menjual hartanya dan merantau ke negeri yang jauh. Di situ dia memboroskan wangnya dengan hidup berfoya-foya. <sup>14</sup>Setelah dia menghabiskan kesemua wangnya, suatu kebuluran yang teruk berlaku di negeri itu dan dia dalam keadaan serba kekurangan. <sup>15</sup>Dia pergi bekerja dengan seorang penduduk negeri itu dan disuruh menjaga babi di ladangnya. <sup>16</sup>Dia ingin mengisi perutnya dengan sekam kacang yang dimakan oleh babi tetapi tiada seorang pun yang memberikan apa-apa kepadanya.

<sup>17</sup>Akhirnya, dia sedar dan berkata, "Semua orang gaji bapaku dapat makan sehingga kenyang, tetapi aku ini hampir mati kelaparan! <sup>18</sup>Aku hendak kembali kepada bapaku, dan aku akan berkata kepadanya: Ayah, aku telah berbuat dosa kepada Allah dan kepada ayah. <sup>19</sup>Aku tidak layak disebut sebagai anak ayah. Jadikanlah aku ini sebagai salah seorang gaji ayah." <sup>20</sup>Dia pun kembali kepada bapanya.

'Semasa dia masih jauh lagi, bapanya nampak dia. Hatinya penuh dengan belas kasihan dan dia berlari menemuinya. Bapanya memeluk dan menciumnya.

<sup>21</sup>Anak itu berkata kepada bapanya, "Ayah, aku telah berbuat dosa kepada Allah dan kepada ayah. Aku tidak layak disebut anak ayah."

<sup>22</sup>Bapa itu menyuruh hamba-hambanya, "Segeralah ambil pakaian yang terbaik dan pakaikanlah kepada anakku. Sarungkan sebetuk cincin di jarinya dan pakaikan kasut pada kakinya. <sup>23</sup>Pilihlah dan sembelilah anak lembu yang tambun, dan marilah kita mengadakan jamuan dan bersuka ria; <sup>24</sup>kerana anakku ini telah mati dan hidup kembali; dia telah sesat dan ditemui kembali." Lalu mereka mula bersuka ria.

<sup>25</sup>Pada masa itu anak sulung bekerja di ladang. Apabila dia pulang ke rumah, dia terdengar bunyi muzik dan orang menari-nari. <sup>26</sup>Dia memanggil seorang hamba lalu bertanya, "Apakah yang sedang berlaku ini?" <sup>27</sup>Hamba itu menjawab, "Adik tuan telah pulang dan bapa tuan telah menyebelih anak lembu yang tambun kerana adik tuan pulang dengan selamatnya."

<sup>28</sup>Anak sulung itu sangat marah sehingga dia tidak mahu masuk ke dalam rumah. Ayahnya keluar lalu memujuk dia. <sup>29</sup>Anak sulung itu berkata, “Tengoklah, bertahun-tahun aku bekerja untuk ayah. Aku tidak pernah melanggar perintah ayah. Tetapi ayah tidak pernah memberikan seekor anak kambing pun kepada aku supaya aku dapat bersuka ria dengan sahabat-sahabatku. <sup>30</sup>Namun sepulangnya anak ayah ini yang telah memboroskan harta ayah dengan perempuan-perempuan sundal, ayah menyembelih anak lembu yang tambun untuknya!”

<sup>31</sup>Bapa itu berkata kepadanya, “Anakku, engkau ini sentiasa bersama ayah, dan segala milik ayah ialah milikmu. <sup>32</sup>Kita patut bersuka ria kerana adikmu ini telah mati dan hidup kembali; dia telah sesat dan ditemui kembali.” ’